



Bung HAMKA telah meminta seribu maaf kepada Bung Edrus setelah Bung Idrus menjawab tulisan-tulisan Bung HAMKA membabit ke sana sini. Di dalam jawapan itu Bung HAMKA terus tetap dengan pendirian tentang “zat” sandiwara itu halal dan menafikan yang ia ada berkata bahawa agama Islam meluluskan pungut derma dengan apa cara pun asakan untuk kebajikan. sebenarnya perkara itu tidak panjang sekiranya Bung HAMKA, tatkala berita itu tersiar, terus menafikan penyiaran itu. Siapa salah dalam perkara ini? – Pembaca-pembaca boleh timbangkan.

Perkara Cemeti al-Farouk bidas Bung HAMKA kerana percakapannya yang baharu dinafikannya itu telah disebut oleh Hang Sebat dalam “Malaya Merdeka”. Ia bilang Bung HAMKA itu kawan dan sahabat Cemeti al-Farouk. Dahulu al-Farouk julang HAMKA tetapi sekarang al-Farouk bidas HAMKA! Betui Hang! Dahulu hingga sekarang HAMKA itu sahabat kita. Tetapi kerana ia dikatakan ada bercakap yang mengelirukan maka lebih baik sahabat dahulu bidas – jangan orang lain. Tetapi kerana ia dikatakan ada bercakap sebab yang buat salah itu orang baying kita buat tak tau sebab yang buat salah itu seorang sahabat kebenaran itu mesti didirikan dan kesalahan itu mesti ditegur. Tetapi hang bagaimana terhadap pemimpin hang! Loh! Orang Jawa bilang didiamkan aja – Tidak mau ditegurinya. Habis bagaimana? Tentunya takut kalau-kalau...melepas atau dibernene’en– begitu gak hang?!! Ringkasnya kena di mata dipanjangkan kena

di perut dikempiskan – kan “diplomasi” cara muzabab

ini selamat? Betui apa tidak hang?!!!

Baharu sahaja Perikatan menang suara lama orang-orang Cina di Perak (sahabat Hang Sebat) telah heboh mau Bahasa Cina dan Bahasa India dijadikan bahasa rasmi bersama-sama Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Ini baguskan hang?! Kalau dahulu hang tau cakap Arab, cakap Melayu dan cakap Inggeris – hang sekarang patut belajar cakap Cina (Mandarin, Kung Fu, Hokkien dan lain-lain lagi) dan Bahasa Tamil. Ini bagus tetapi yang ditakuti kalau hang cakap nanti bagaimana sesedap dihadapan bangsa-bangsa itu cakap Melayu Cina bantah – cakap Tamil tidak bertulang itu terseliuh – dan sebab itu sang putar sana putar sini – sebab semuanya sudah masuk belajar putar dari banyak bahasa itu – sungguh meriah!

Banyak orang rebut mengatakan majalah ini sengaja hendak merosakkan perpaduan orang dalam Perikatannya dengan mengadakan ayat-ayat al-Quran yang menegah kepada mempercayai dan menjadikan orang-orang kafir itu pemimpin. jawapannya senang – percaya sudah – habis perkara. Sesiapa yang mahu percaya ikut – tidak mahu tinggal belakang tetapi...Ingat balasannya sesudah mati nanti!

Menurut berita Straits Times, Tengku Abdul Rahman, setelah berjaya dalam pilihanraya Perikatan telah sembahyang syukur kepada Tuhan. - Cemeti al-Farouk.